

TIADA KOMPROMI TERHADAP MASALAH KANTIN SEKOLAH KOTOR

Wan Muhammad Asyraf bin Wan Muhammad, 1171283,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 23 July 2020



Masalah kantin sekolah yang kotor masih lagi berlaku di negara ini. Dari semasa ke semasa, media melaporkan tentang kejadian murid-murid mengalami keracunan makanan selepas makan di kantin sekolah.

Selain berbau busuk, kotor dan tidak teratur, ada pengusaha kantin yang menghidangkan makanan dan minuman yang basi kepada para pelajar. Masalah itu sering diadukan oleh ibu bapa kepada pentadbir sekolah.

Malah, segelintir ibu bapa mengambil tindakan undang-undang terhadap pengusaha kantin yang didakwa bersikap cuai sehingga menyebabkan anak mereka mengalami keracunan makanan.

Sikap tidak bertanggungjawab pengusaha kantin terbabit bukan sahaja menjejaskan imej sekolah malah boleh menyebabkan berlaku konflik antara ibu bapa dan guru.

Bagi mengelakkan masalah itu berlaku, pentadbir sekolah perlu memastikan pengusaha kantin mematuhi kontrak serta menekankan aspek kebersihan dan keselamatan di premis mereka.

Seperti yang dinyatakan dalam kontrak, pengusaha kantin mesti melakukan pemantauan yang berterusan bagi memastikan makanan sentiasa bersih, bermutu, berkhasiat dan selamat serta mematuhi peraturan pengurusan kantin.

Kadang-kadang ada penguasa kantin yang hanya menyajikan makanan sedap dan berkualiti untuk pentadbir sekolah dan guru-guru. Sebaliknya, makanan yang dijual kepada pelajar langsung tidak sedap dan menyelerakan.



Bagi mengatasi masalah kantin kotor, setiap pengusaha kantin mesti diwajibkan mengikuti kursus penyediaan makanan dan minuman serta mendapatkan suntikan tifoid.

Pengusaha kantin juga perlu memantau pergerakan pekerja dalam proses penyediaan makanan bagi memastikan mereka sentiasa mematuhi peraturan.

Guru yang bertanggungjawab memantau kantin sekolah mesti kerap memeriksa kawasan dapur bagi memastikan pengusaha menyediakan makanan dalam keadaan yang bersih.

Pentadbir sekolah juga perlu memastikan murid-murid tidak membeli makanan yang dijual di luar kawasan pekarangan sekolah kerana kebersihannya tidak dapat dijamin.

Selain itu, hanya kantin sahaja yang sepatutnya dibenarkan menjual makanan dan minuman yang siap dimasak, bukannya kedai buku atau kedai koperasi sekolah.

Pihak berkuasa seperti Jabatan Kesihatan juga sewajarnya melakukan pemeriksaan dengan lebih kerap terhadap kantin sekolah bagi memastikan pengusaha sentiasa menitikberatkan aspek kebersihan dalam penyediaan makanan dan minuman.

Tindakan yang tegas perlu diambil terhadap pengusaha kantin yang didapati menjual makanan dan minuman yang menyebabkan para pelajar mengalami keracunan makanan.

Yang paling penting, pengusaha kantin sendiri mesti memiliki tahap kesadaran yang tinggi tentang betapa pentingnya mereka menjaga kebersihan dalam usaha memastikan makanan dan minuman yang dijual tidak memudaratkan kesehatan pelajar-pelajar.

Pengusaha kantin khususnya yang beragama Islam hendaklah sedar bahawa makanan dan minuman yang dijual mesti selamat untuk dimakan atau diminum agar pendapatan yang mereka terima itu halal dan berkat.